



## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI KOPI SEDUNIA 2021 TANDA PENGHARGAAN BUAT INDUSTRI TANAMAN KOPI

**PUTRAJAYA, 1 Oktober 2021** – Sempena Hari Kopi Sedunia yang disambut pada 1 Oktober setiap tahun, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kopi Tahun 2021 yang disempurnakan secara maya oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Sambutan Hari Kopi Sedunia ini merupakan suatu bentuk penghargaan dan manifestasi rasa terima kasih kepada semua yang terlibat di sepanjang rantaian pengeluaran kopi di seluruh dunia bermula daripada petani sehingga kepada pengemar kopi.

Dr. Ronald berkata, penghasilan benih kopi, penanaman kopi di ladang, penuaian kopi, pemprosesan biji kopi, pemasaran dan penghasilan produk berdasarkan kopi adalah antara aktiviti utama dalam rantaian nilai tersebut serta pelbagai pihak terutamanya petani, industri pemprosesan, pengilang dan jabatan atau agensi yang terlibat di sepanjang rantaian nilai.

Menurut Dr. Ronald, industri tanaman kopi di Malaysia hari ini dilihat semakin berpotensi untuk diperkasa dan berkembang maju, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan dalam negara malah mampu dieksport ke luar negara, sekaligus memperkenalkan kopi hasil keluaran negara kita ke seluruh dunia, selain meningkatkan pendapatan ekonomi melalui penjualan produk dan peluang perniagaan dalam rantaian nilainya.

“Melangkah ke hadapan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui DOA akan terus komited memberi perhatian agar industri ini terus diperkuuh dan tidak ketinggalan, serta dapat seiring dengan perkembangan industri tanaman agromakanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran,” katanya.

Turut serta, YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Dr. Nik Muhammad bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YBhg. Dato’ Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, YBhg. Dato’ Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) dan YBhg. Dato’ Zahimi bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori).

Sejarah penanaman kopi di Malaysia telah bermula pada abad ke-17 iaitu melalui penanaman kopi Arabica. Pada akhir abad ke-18, kopi Liberica telah diperkenalkan dan seterusnya pada awal abad ke-19, petani di Malaysia mula menanam kopi daripada spesies Robusta. Memandangkan negara Malaysia mempunyai iklim yang sesuai dan tanah lanar

yang subur, keberadaan sumber semulajadi ini memberi kelebihan kepada negara kita, untuk mengeluarkan hasil kopi, terutamanya dari spesies Liberica yang mempunyai rasa istimewa dan unik.

Pada tahun 2020, keluasan kawasan penanaman kopi di seluruh Malaysia adalah seluas 2,200 hektar berbanding 2,114 hektar pada tahun 2019. Manakala pengeluaran kopi pada tahun 2020 pula adalah sebanyak 4,241 tan metrik berbanding tahun 2019 sebanyak 3,559 tan di mana negeri pengeluar utama adalah Johor dan Sabah.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12, bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain, bertujuan untuk menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas tuai, pembekalan input-input pertanian, perolehan bahan dan peralatan kawalan perosak dan pemindahan teknologi. DOA juga akan memberi penekanan khusus untuk merangka inisiatif baharu bagi terus menggalakkan golongan muda dan usahawan tempatan untuk membangunkan industri tanaman kopi di Malaysia.

###

**Disediakan oleh;**

**Jabatan Pertanian Malaysia**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**

No. Tel. : 03-8870 3050 / 3038

E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)